



SIARAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI

**PENDEKATAN '*WORK FROM HOME*' BAGI SEKTOR KERAJAAN DAN
SWASTA**

Tarikh: Selasa, 10 Ogos 2021

Berikutan pengumuman Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 9 Ogos 2021 mengenai dengan tambahan langkah-langkah pengawalan yang diperketatkan, khususnya keperluan bagi pegawai dan kakitangan samada dari sektor Kerajaan atau swasta untuk melakukan '*Work From Home*', Jabatan Perdana Menteri ingin memberikan penjelasan lanjut mengenai beberapa perkara untuk diambil perhatian sebagai garis panduan:

1. Dalam memelihara keselamatan dan kesihatan tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam, setiap Kementerian / Organisasi adalah dikehendaki untuk mengaktifkan protokol '*Business Continuity Plan*' masing-masing dengan segera. Semua pegawai dan kakitangan yang boleh menjalankan tugas secara '*Work From Home*' adalah dimestikan untuk diaturnya bertugas dari tempat tinggal, dan hanya pekerja mustahak atau '*essential workers*' sahaja yang perlu diaturnya untuk bertugas di pejabat. Pengaktifan '*Business Continuity Plan*' hendaklah dilaksanakan tanpa menjejaskan fungsi dan perkhidmatan teras di organisasi masing-masing.



2. Sebagai contoh, sebuah organisasi atau jabatan yang mempunyai seratus (100) orang tenaga kerja telah mengenalpasti seramai dua puluh (20) orang adalah pekerja mustahak yang hanya dapat melaksanakan tugas secara '*on-site*' iaitu '*Work From Office*' manakala seramai lapan puluh (80) orang dikenalpasti boleh melaksanakan kerja-kerja secara '*remote*' iaitu di tempat tinggal. Dalam senario ini, kumpulan tenaga kerja '*Work From Office*' seterusnya hendaklah di bahagikan kepada dua (2) kumpulan yang mana akan menjalankan tugas di tempat atau bangunan berasingan tanpa berkomunikasi secara fizikal diantara kedua buah kumpulan. Iaitu Kumpulan A bertugas di tempat atau bangunan A dan Kumpulan B bertugas di tempat atau bangunan B.
3. Contoh kedua jua iaitu di mana bilangan pekerja mustahak adalah sangat ramai, maka kumpulan tenaga kerja '*Work From Office*' hendaklah dibahagikan kepada tiga (3) atau empat (4) kumpulan dan menjalankan kerja-kerja di tiga (3) atau empat (4) tempat-tempat berasingan tanpa berkomunikasi secara fizikal. Sebagai alternatif, kumpulan-kumpulan tersebut juga boleh dikehendaki untuk menjalankan kerja di bangunan pejabat secara bergilir mengikut jadual yang ditetapkan. Jadual giliran hendaklah ditetapkan oleh Ketua Jabatan masing-masing.
4. Pekerja mustahak hendaklah dikenalpasti oleh setiap Ketua Unit berdasarkan tugas dan tanggungjawab mereka dan perlulah dihadapkan untuk kebenaran Ketua Jabatan / Organisasi masing-masing bagi mereka diaturnya untuk Bekerja dari Pejabat ('*Work From Office*').



5. Setiap Ketua Jabatan / Organisasi adalah bertanggungjawab ke atas *deliverables* yang dikehendaki daripada pasukan-pasukan sepanjang tempoh '*Work From Home*'. Langkah-langkah akan diambil untuk memastikan fungsi dan penyampaian perkhidmatan tidak terganggu.
6. '*Business Continuity Plan*' Kementerian / Organisasi perlulah dikemaskinikan mengikut kesesuaian berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. *Standard Operating Procedure* (SOP) hendaklah disediakan dan dilaksanakan untuk penyimpanan peralatan kerja dan dokumen-dokumen rasmi yang diperlukan untuk '*Work From Home*'.
7. Di mana yang berkenaan, syarikat pembekal atau vendor yang membuat penghantaran ke bangunan-bangunan pejabat perlu dikenalpasti dan dihubungi oleh pasukan masing-masing bagi mengesahkan protokol '*Business Continuity Plan*' adalah serasi untuk penghantaran / pembekalan, dan mencadangkan tatacara alternatif jika perlu.
8. Pengaktifan protokol '*Work From Home*' adalah sah selama 2 minggu dan tertakluk kepada situasi penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.
9. Kementerian / Organisasi juga perlu memaklumkan secara teliti dan jelas kepada pegawai, kakitangan serta orang awam (jika berkaitan) mengenai pelaksanaan '*Business Continuity Plan*'.



Sebagai tambahan, di kesempatan ini juga perlu memperingatkan organisasi-organisasi samada sektor Kerajaan mahupun swasta untuk sentiasa memastikan kawasan bangunan pejabat adalah sentiasa dalam keadaan yang bersih dan pembersihan kawasan pejabat hendaklah dikekalkan mengikut SOP Kementerian Kesihatan.

Langkah-langkah yang disebutkan adalah bagi memastikan '*Business Continuity Plan*' organisasi berjalan dengan lancar dalam melindungi dan menjaga kesejahteraan tenaga kerja dan membendung risiko penularan wabak COVID-19 di negara ini.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

1 Muharram 1443
10 Ogos 2021